

LEMBARAN KERJA MATEMATIK TAHUN 4
PENYELESAIAN MASALAH PANJANG, JISIM DAN ISIPADU CECAIR

Tonton video di bawah sebelum menjawab soalan.


Tunjukkan jalan kira dalam buku tulis MT2 dan isikan jawapan pada tempat kosong berikut.

UJI DIRI

Selesaikan masalah.

1 Puan Hamidah menggunakan reben merah jambu, putih dan hitam untuk menghias hadiah hari jadi anaknya. Panjang reben adalah seperti yang berikut:

Warna reben	Panjang
Hitam	36 cm 3 mm
Merah jambu	67 cm 2 mm
Putih	268 mm



Berapakah jumlah panjang reben, dalam mm, yang digunakan?

Jawapan : mm

2 Encik Kimbua membuat latihan larian sejauh 3 km 260 m setiap hari. Hitung jarak lariannya dalam seminggu.

Jawapan : km m

3 Berpandukan maklumat dalam jadual, berapakah panjang Sungai Pahang?

Nama sungai	Panjang
Sungai Pahang	kurang 88 km daripada Sungai Rajang
Sungai Rajang	lebih 323 km daripada Sungai Kelantan
Sungai Kelantan	240 km

Jawapan :

5 Kira jumlah jisim ayam belanda dan ayam kampung.



4 kg 600 g



kurang 2 kg 100 g daripada ayam belanda

Jawapan : kg g

7 Isi padu air di dalam bekas P kurang 395 ml daripada bekas Q.

Isi padu air di dalam bekas Q ialah 1 l 70 ml.

- Berpandukan maklumat di atas, hitung jumlah isi padu air di dalam bekas P dan Q.
- Air di dalam bekas Q dituang sama banyak ke dalam 2 biji cawan. Berapakah isi padu air di dalam sebiji cawan?

Jawapan : a) l ml b) ml

Selamat mencuba!!